

KERANGKA KONSEP IHSAN DALAM PEMBANGUNAN AFEKTIF MAHASISWA

Nur Syazwani Othman¹, Mahfuzah Mohammed Zabidi² & Norhapizah Mohd Burhan³

Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Johor,

Kampus Pasir Gudang, 81750 Masai, Johor, Malaysia¹

Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Shah Alam,

40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia²

Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Pahang,

Kampus Jengka, 26400 Jengka, Pahang, Malaysia³

nursyazwaniothman87@gmail.com¹

ABSTRACT

The development of internal aspects is the core of efforts to educate people as a whole. In the context of higher education, a balanced effort in developing cognitive, affective and psychomotor domains is needed to develop holistic students. From an Islamic perspective, internal development involving spiritual, emotional and intellectual elements caused from a healthy heart. Issues of social symptoms, mental health problems, unemployment among graduates and violations of the law or misconduct among students or graduates indicate the existence of a gap in aspects of internal development that specifically touch the affective domain. Therefore, this article focuses on the importance of the value of courtesy as the core of efforts to form the affective domain of holistic students by taking the aspect of "belief and obedience to God" as written down in the National Education Philosophy. This study applies a content analysis design to a collection of journal articles that have affective and courtesy keywords from Scopus, Web of Science, Mycite and Google Scholar databases. Elaboration of courtesy is also studied based on content analysis of kitab Ihya' Ulumuddin. This study produced a framework for students' affective development based on the concept of courtesy. The results of this study can help educators plan the teaching process in addition to guiding students to manage self-learning more effectively and meaningfully in order to achieve personal and community well-being.

Keywords: *Ihsan; affective; holistic student; spiritual, Islamic education.*

ABSTRAK

Pembangunan aspek dalaman merupakan teras kepada usaha mendidik insan sepadu. Dalam konteks pengajian tinggi, usaha yang seimbang dalam membangunkan domain kognitif, afektif dan psikomotor diperlukan untuk membangunkan mahasiswa holistik. Daripada perspektif Islam, pembangunan dalaman yang melibatkan unsur rohani, emosi dan intelek berpunca daripada hati yang sihat. Isu gejala sosial, masalah kesihatan mental, pengangguran dalam kalangan graduan dan pelanggaran undang-undang atau salah laku dalam kalangan mahasiswa atau graduan memberi petunjuk wujud kelompongan dalam aspek pembangunan dalaman yang menyentuh domain afektif secara khusus. Oleh itu, artikel ini memfokuskan nilai ihsan sebagai teras usaha pembentukan domain afektif mahasiswa holistik dengan mengambil kira aspek "kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan" sebagaimana yang termaktub dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Kajian ini mengaplikasikan reka bentuk analisis kandungan terhadap himpunan artikel jurnal yang mempunyai kata kunci afektif dan ihsan dari pangkalan data Google Scholar, Scopus, Web of Science dan Mycite. Penghuraian ihsan juga dikaji berdasarkan analisis kandungan terhadap kitab Ihya' Ulumuddin. Kajian ini menghasilkan kerangka pembangunan afektif mahasiswa berteraskan konsep ihsan. Hasil kajian ini dapat membantu para pendidik merancang proses pengajaran selain

memandu mahasiswa menguruskan pembelajaran kendiri dengan lebih berkesan dan bermakna agar mencapai kesejahteraan diri dan masyarakat.

Kata kunci: Ihsan; afektif; mahasiswa holistik; rohani, pendidikan Islam.

PENGENALAN

Pendidikan merupakan teras utama pembangunan modal insan sesebuah negara. Matlamat pendidikan adalah untuk melahirkan manusia yang seimbang dan harmonis dalam semua aspek kemanusiaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) (Ismail, 2015). Pembangunan insan yang dilaksanakan mengikut acuan FPK memberi perhatian kepada empat elemen iaitu pembangunan jasmani, pembangunan emosi dan rohani serta pembangunan intelek (JERI) berteraskan nilai ketuhanan. Berikut merupakan pernyataan menurut FPK:

“Memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab, dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.”

Secara jelas, agenda utama Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) ialah untuk mempertingkatkan potensi diri dan mengubah seseorang individu itu ke satu tahap yang lebih baik daripada sebelumnya (Ismail, 2015). Aspek keyakinan dan kepatuhan kepada Tuhan memberi kesan kepada pembentukan peribadi yang sejahtera khususnya dalam membina kekuatan rohani dan emosi yang stabil. Dari sudut teori pembelajaran, pembangunan Rohani dan emosi termasuk dalam skop domain afektif. Proses pembentukan domain kognitif, psikomotor dan afektif yang bersepadu melalui sesi pengajaran dan pembelajaran dapat melahirkan mahasiswa holistik. Mahasiswa holistik diharapkan dapat membantu menyelesaikan atau mengurangkan isu dan masalah yang terdapat dalam masyarakat apabila mereka tamat pengajian kelak.

Namun begitu, keruntuhan moral dan akhlak dalam kalangan mahasiswa di institusi pengajian tinggi mengakibatkan golongan mahasiswa turut terlibat dalam masalah sosial. Beberapa laporan dan berita daripada dada akhbar dan media massa menunjukkan penglibatan mahasiswa dalam gejala penagihan dadah, pembuangan bayi, kes buli, pesta liar dan ketagihan pornografi (Hanapi et al., 2021; Husain et al., 2018; Marzuki et al., 2021; Rahman & Nor, 2021). Manakala, Agensi Anti-Dadah Kebangsaan (AADK) juga merekodkan statistik pengambilan dadah dalam kalangan mahasiswa pada tahun 2020 menunjukkan seramai 651 orang yang terlibat dalam kes ini. Selain itu, peningkatan masalah kesihatan mental yang melibatkan golongan ini turut direkodkan. Ramai mahasiswa yang terlibat dengan isu kemurungan, bunuh diri, kebimbangan dan tekanan perasaan disebabkan oleh faktor dalaman diri dan persekitaran (Mohamad Yunos & Mahat, 2021; Salman et al., 2022).

Di samping itu, kekurangan dari sudut kemahiran insaniah mengakibatkan berlakunya pengangguran dalam kalangan graduan di Malaysia. Pada tahun 2020, peningkatan kadar pengangguran siswazah mencatatkan pada 29.3 peratus atau 242,018 siswazah (Sinar Harian 6 Ogos 2020). Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) menggariskan beberapa elemen bagi kemahiran insaniah dalam pembentukan insan sejahtera. Antaranya ialah kemahiran keperibadian. Kemahiran

keperibadian membantu mahasiswa mengawal diri dan membina kemahiran sosial dan etika dalam kehidupan mereka. Kemahiran ini dapat membentuk watak keperibadian bagi mahasiswa seperti kejujuran, ketepatan masa dan komitmen di tempat kerja. Penguasaan bidang ilmu yang dipelajari di universiti dan penguasaan kemahiran insaniah ini membuka peluang pekerjaan. Sebaliknya, tanpa penguasaan kemahiran insaniah dan keperibadian yang positif, mahasiswa sukar mendapat pekerjaan dalam bidang yang dipelajari.

Oleh itu, berdasarkan permasalahan-permasalahan yang dinyatakan ini menunjukkan bahawa pembangunan afektif yang membabitkan soal pembentukan emosi, nilai, sikap dan peribadi memainkan peranan penting bagi pembinaan mahasiswa holistik. Dengan penerapan konsep ihsan sebagai teras utama dalam pembentukan afektif dapat membentuk mahasiswa holistik dari setiap aspek khususnya aspek emosi dan rohani (Razak et al., 2018; Zakaria & Azahari, 2019). Nilai ihsan yang dibincangkan menjadi satu usaha merealisasikan aspek keyakinan dan kepatuhan kepada Tuhan yang terkandung dalam pernyataan falsafah pendidikan. Unsur kesedaran ketuhanan dan kesedaran diri yang terkandung dalam nilai ihsan ini dapat mengawal tingkah laku dan sikap mahasiswa serta mengelakkan mereka daripada terjebak kepada perkara-perkara negatif.

METODOLOGI

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis konsep ihsan dalam pembangunan afektif mahasiswa. Kajian ini mengaplikasikan reka bentuk analisis kandungan terhadap himpunan artikel jurnal yang mempunyai kata kunci afektif dan ihsan dari pangkalan data Scopus, Web of Science, Mycite dan Google Scholar. Melalui analisis ini, kata kunci utama atau tema bagi konsep ihsan dan pembentukan afektif berdasarkan konteks pengajian tinggi dikenal pasti. Penguraian ihsan juga dikaji berdasarkan analisis kandungan terhadap kitab Ihya Ulumuddin karangan Imam Al-Ghazali.

Kepentingan Afektif dalam Pembangunan Mahasiswa

Menurut Krathwohl, Bloom dan Masia (1964), domain afektif ialah keadaan jiwa atau dalaman seseorang yang mempunyai hubungan dengan emosi, nilai, motivasi dan sikap (Gagne, 1984; Jagger, 2013; Kraft et al., 2011; Zabidi et al., 2022). Domain afektif juga merupakan integrasi antara pemikiran, tindakan, harga diri, pertimbangan moral atau etika seseorang (Turner, 2021). Peranan domain afektif ini membantu dalam mempamerkan emosi mahasiswa semasa proses pembelajaran dengan membentuk tingkah laku sebagai hasil pembelajaran (Jagger, 2013; Setiawan et al., 2019).

Dalam pembangunan afektif mahasiswa keadaan jiwa atau dalaman seseorang perlu dititikberatkan. Menurut Imam Al-Ghazali, manusia terdiri daripada dua komponen iaitu ruh dan jasad (Asmaya, 2018). Komponen ruh dan jasad ini memiliki aspek rohani dan jasadi maka kedua-dua unsur ini perlu saling berhubung dan bersatu. Penekanan terhadap aspek kerohanian manusia mempunyai perkaitan antara roh, jiwa dan aspek keimanan serta kepatuhan kepada Tuhan (Salleh, 2022). Penerapan aspek kerohanian menjadi indikator atau ukuran kejayaan bagi aspek dalaman seseorang (Ismail, 2015). Justeru, domain afektif ini membantu dalam penerapan dan penghayatan nilai dan emosi seseorang dalam pembentukan tingkah laku yang baik. Oleh itu, terdapat beberapa kepentingan afektif dalam pembentukan diri mahasiswa antaranya adalah dapat membantu dalam pembangunan diri mahasiswa, membantu pencapaian akademik, membantu kepada kesejahteraan masyarakat dan membantu dalam pembangunan kerjaya mahasiswa tersebut:

Pembangunan Diri

Kepentingan afektif membentuk pembangunan diri mahasiswa dari sudut potensi dan sahsiah diri. Dengan pembangunan afektif dalam diri mahasiswa dapat mewujudkan kesedaran diri di mana jika dihubungkan atau dipandu dengan nilai-nilai agama akan membentuk manusia yang memiliki keterikatan dengan Maha Pencipta secara fitrahnya (Nopiansah, 2022). Kesedaran diri ini membantu mahasiswa dalam mengenali diri sendiri dengan lebih baik dalam mencapai pembentukan insan sejahtera (Dollarhide, 2013; Stephens & Ormandy, 2019). Bagi mengenali hakikat diri, mahasiswa perlu sedar tentang tujuan penciptaan manusia iaitu menjadi khalifah Allah yang menggalas tanggungjawab dan menjalankan amanah yang diberikan oleh Allah di dunia ini (Nopiansah, 2022).

Selain itu, pembangunan afektif yang dibina dalam diri mahasiswa dapat menguatkan sensitiviti terhadap persekitaran dengan membentuk nilai baik seperti empati, toleransi dan hormat-menghormati sekaligus membina daya tahan dalam diri mereka (Jagger, 2013; Stephens & Ormandy, 2019). Sensitiviti yang dimiliki oleh mahasiswa dapat membimbing dan mendidik mereka dalam menghadapi kehidupan agar tidak mementingkan diri sendiri. Penerapan nilai baik juga dapat memupuk diri mahasiswa untuk sentiasa berbuat baik kepada orang lain dan menanamkan sifat-sifat mahmudah dalam membentuk tingkah laku yang baik.

Di samping itu, kehadiran afektif membantu mahasiswa untuk memilih keputusan yang betul dan bertindak secara rasional (Gagne, 1994). Dalam kebebasan membuat pilihan, manusia hendaklah dipandu oleh hukum-hukum Allah bagi melahirkan tindakan atau keputusan yang diredayai oleh Allah serta tidak melanggar batas-batas hukum agama (Nopiansah, 2022). Oleh itu, hasil daripada tindakan yang betul dapat memupuk sikap yang baik dan membantu dalam penghayatan nilai yang diperolehi oleh mahasiswa (Dollarhide, 2013; Kraiger et al., 1993).

Pencapaian Akademik

Pencapaian akademik merupakan salah satu kepentingan afektif dalam pembangunan mahasiswa. Peningkatan akademik pelajar dapat dicapai apabila domain afektif memainkan peranan dalam meningkatkan minat dan motivasi mahasiswa terhadap pembelajaran (Mutlu et al., 2022). Menurut perspektif Islam, Imam al-Ghazali (2005) menggariskan bahawa akademik ini merupakan konsep ilmu pengetahuan yang menjadi ukuran dalam kemajuan sebuah tamadun. Konsep ilmu merangkumi pelbagai bentuk yang berkaitan dengan keduniaan, akhirat serta menjurus kepada perkembangan penaakulan bagi membentuk tamadun manusia (Saad & Rajamanickam, 2021). Dari konteks pembangunan diri mahasiswa, ilmu pengetahuan yang diperolehi perlulah ilmu yang membawa manfaat kepada diri, masyarakat dan agama serta berpandukan Al-Quran dan As-Sunnah (Al-Ghazali, 2005).

Seterusnya, afektif memainkan peranan penting dalam pembentukan domain kognitif yang merangsang kepada pemikiran aras tinggi dalam pembelajaran (Gelmez & Bagli, 2017; Pagatpatan et al., 2020). Peranan domain kognitif ini mempunyai perkaitan dengan hakikat akal. Akal merupakan anggota badan yang paling mulia dan tertinggi yang dikurniakan Allah kepada manusia. Akal berfungsi untuk mengkaji dan meneliti pelbagai isu dan peristiwa serta mengambil pengajaran dan kesimpulan daripada masalah tertentu(Saad & Rajamanickam, 2021). Akal juga memainkan peranan untuk berfikir secara rasional dan mengasah intelek dalam membentuk sikap dan nilai yang baik terhadap diri sendiri, masyarakat dan sekitarnya (Indra, 2009).

Di samping itu, keyakinan diri dapat dipupuk apabila domain afektif diterapkan dalam proses pembelajaran. Pemahaman yang mendalam juga diperolehi mahasiswa dengan menanamkan minat terhadap matapelajaran tersebut (Boyle et al., 2007; Kraft et al., 2011). Pemahaman terhadap suatu ilmu sangat penting dalam memandu kehidupan mahasiswa untuk mengetahui dan memahami peranannya di dunia ini bagi membentuk insan yang sempurna (Al-Attas, 2019).

Kesejahteraan Masyarakat

Afektif memainkan peranan penting dalam membentuk mahasiswa yang mampu menjalankan tanggungjawab dan memberikan sumbangan dari sudut tenaga maupun idea kepada masyarakat. Hal ini menjadikan mahasiswa berfungsi sebagai agen sosial yang berpengaruh dalam kalangan masyarakat (Feldman, 1994). Islam juga mengalakkan kita untuk menjaga hubungan baik dengan Allah (*hablumminallah*) dan sesama manusia (*hablumminannas*). Dalam konteks sesama manusia, masyarakat menjadi suatu kelompok yang perlu disantuni dengan akhlak yang baik.

Sementelahan itu, kehadiran afektif dapat melibatkan mahasiswa dalam masyarakat dengan memupuk nilai-nilai baik seperti semangat bekerjasama, bertoleransi antara satu sama lain, bertanggungjawab serta menanamkan rasa empati (Kraiger et al., 1993; Savic & Kashef, 2013). Melalui nilai baik ini, mahasiswa mampu untuk menghargai kepelbagaiannya sikap, budaya dan adat yang wujud dalam masyarakat tersebut. Tambahan lagi, afektif juga dapat membentuk mahasiswa untuk menyesuaikan diri dalam persekitaran yang mencabar dan mengharungi kehidupan dengan cekal dan tabah pada masa depan (Simm & Marvell, 2015).

Pembangunan Kerjaya

Pembentukan afektif membantu mahasiswa dalam menempuh alam kerjaya pada masa depan. Menurut perspektif Islam, matlamat utama bekerja adalah untuk mendapat keredaan Allah dan memperoleh kejayaan di dunia dan akhirat. Dalam konsep ibadah, para ulama menjelaskan bahawa niat merupakan syarat sah bagi sesuatu amal atau perbuatan manusia. Ini menunjukkan bahawa setiap pekerjaan yang dilakukan perlulah disertakan dengan niat atau matlamat supaya mendapat pahala dan keredaan Allah (Idris et al., 2010). Maka, pekerjaan yang dilakukan oleh mahasiswa hendaklah sentiasa berlandaskan syariat Allah.

Selain itu, pembangunan afektif dalam mahasiswa menjadikan mereka mampu untuk menjalankan tanggungjawab diberikan dengan baik dan bekerja secara profesional apabila berhadapan persekitaran yang berbeza dan mencabar (Savic & Kashef, 2013). Pembangunan afektif dalam diri mahasiswa juga mampu menjadikan mereka seorang pekerja yang komited dan setia terhadap organisasi bagi mencapai matlamat untuk kerjaya mereka (Kraiger et al., 1993).

Di samping itu, melalui afektif mahasiswa mudah untuk membina hubungan baik antara pekerja dan majikan di tempat kerja (Simm & Marvell, 2015). Seterusnya, afektif penting dalam membentuk peribadi yang mempunyai tingkah laku dan sikap yang baik di tempat kerja. Apabila mahasiswa memiliki sikap yang baik, maka itu akan menjadikan pekerja lain lebih selesa untuk bekerjasama (Pagatpatan et al., 2020). Dalam membina kerjaya juga, afektif menjadikan mereka lebih bermotivasi dalam bekerja dan sentiasa bersungguh-sungguh dalam melaksanakan pekerjaan yang diamanahkan (Pagatpatan et al., 2020). Hal ini menjadikan mahasiswa dapat menjaga kualiti pekerjaan yang dilakukan dan menghasilkan produktiviti kerja yang lebih baik.

Ihsan Sebagai Teras Pembangunan Afektif

Berdasarkan kepentingan afektif yang dinyatakan dalam kehidupan mahasiswa, afektif merupakan elemen atau faktor utama yang meliputi emosi, nilai, motivasi dan sikap bagi membentuk aspek dalaman seseorang dalam proses pembelajaran. Aspek dalaman ini merangkumi pemikiran dan perasaan yang membantu dalam meningkatkan motivasi, membangunkan nilai baik, membentuk sikap yang betul dan mendidik emosi yang seimbang dalam diri mahasiswa.

Daripada perspektif Islam, elemen dalaman mempunyai perkaitan dengan hati dan rohani. Hati dan rohani yang sihat sangat bergantung kepada kesedaran bertuhanan seseorang. Tanpa kesedaran bertuhanan ini, tujuan utama kehidupan tak dapat dipenuhi. Menurut Imam Al-Ghazali (2005), tujuan utama kehidupan adalah untuk mencapai kebahagiaan akhirat yang pada penghujungnya, manusia dapat mendekatkan diri kepada Allah iaitu bertemu dan melihat Allah

serta kenikmatan-kenikmatan-Nya secara menyeluruh. Di sinilah peri pentingnya aspek kesedaran bertuhan atau ihsan dalam pembangunan afektif mahasiswa. Aspek ihsan yang meliputi elemen muraqabah dan musyahadah mengawal segala perilaku dan tingkah laku mahasiswa dalam kehidupan mereka. Hal ini menjadikan ihsan sebagai teras dalam pembangunan afektif dalam melahirkan mahasiswa holistik.

Menurut bahasa Arab, ihsan bermaksud “kesempurnaan” atau “terbaik”(Amran, 2012). Menurut istilah pula, ihsan bermaksud berbuat baik atau melakukan perbuatan baik yang ditetapkan oleh syariat (Nandani, 2017). Manakala, berdasarkan hadis Jibril yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a, Rasulullah SAW bersabda:

قالَ: فَأُخْرِنِي عَنِ الْإِحْسَانِ قَالَ: أَنْ تَعْبُدَ اللَّهَ كَمَا كُنْتَ تَرَاهُ، فَإِنْ لَمْ تَكُنْ تَرَاهُ فَإِنَّهُ يَرَكُ

Maksudnya: *Beritahukan kepadaku tentang ihsan. Rasulullah S.A.W menjawab: Engkau beribadah kepada Allah seakan-akan engkau melihat-Nya, jika engkau tidak melihatnya, sesungguhnya Dia pasti melihatmu.*

(Sahih Muslim: No. 5)

Berdasarkan hadis di atas ihsan bermaksud manusia hendaklah beribadah kepada Allah dengan merasakan bahawa Allah sedang melihat atau mengawasi setiap perbuatan dan tingkah laku manusia. Jika manusia tidak berupaya untuk melihat Allah maka Allah Maha Melihat segala perbuatannya. Hadis ini menyatakan bahawa kehadiran ihsan ini perlu dijadikan sebagai pengawasan dalam melakukan suatu tindakan atau perbuatan bahawa Allah sentiasa melihat hambaNya. Berdasarkan pengertian-pengertian ihsan di atas, perbincangan kajian ini lebih menumpukan kepada istilah ihsan yang membawa makna tentang kesedaran bertuhan.

Ihsan merupakan peringkat tertinggi bagi mewujudkan kesedaran bertuhan dalam diri seseorang. Dengan kesedaran bertuhan, mahasiswa dapat menerima impak dan hasil yang baik kepada kehidupan mereka di dunia dan akhirat. Ihsan juga menjadikan mahasiswa sentiasa memperbaiki amalan mereka sekaligus mencapai kualiti ibadah yang lebih baik.

Elemen Ihsan

Muraqabah dan *musyahadah* merupakan elemen-elemen ihsan yang dinyatakan berdasarkan hadis Jibril. *Musyahadah* adalah beribadah seakan-akan kita melihat Allah (أَنْ تَعْبُدَ اللَّهَ كَمَا كُنْتَ تَرَاهُ) manakala *muraqabah* bermaksud merasakan bahawa Allah Maha Memerhati setiap makhluk-Nya (فَإِنْ لَمْ تَكُنْ) (تَرَاهُ فَإِنَّهُ يَرَكُ). Berikut merupakan elemen ihsan mengikut peringkat dalam menerapkan ihsan:

Muraqabah

Muraqabah bermaksud seseorang melakukan ibadah dan merasakan bahawa Allah sentiasa memerhati dan mengawasi setiap tindakan yang dilakukan sehingga timbul rasa berjaga-jaga dalam melakukan suatu perbuatan (Ali, 2010; Mutmainah, 2021). Ini berdasarkan sabda Nabi Muhammad SAW:

فَإِنْ لَمْ تَكُنْ تَرَاهُ فَإِنَّهُ يَرَكُ

Maksudnya: *Jika kamu tidak melihat-Nya maka sesungguhnya Dia melihatmu*

Peringkat *muraqabah* ini merupakan peringkat yang dimiliki oleh kebanyakan manusia. Hal ini demikian kerana apabila seseorang tidak mampu untuk menyaksikan sifat-sifat Allah maka dia yakin bahawa Allah melihatnya. Sebagai contoh, apabila seseorang menuai solat dan

merasakan bahawa Allah sedang memerhatikannya lalu dia memperbaiki solatnya dengan lebih baik. Sebagaimana firman Allah dalam surah Yunus, ayat 61:

وَمَا تَكُونُ فِي شَأْنٍ ۖ وَمَا تَتَلَوُ مِنْ قُرْءَانٍ ۖ وَلَا تَعْمَلُونَ مِنْ عَمَلٍ إِلَّا كُنَّا عَلَيْكُمْ شُهُودًا إِذْ
تُفِيضُونَ فِيهِ

Maksudnya: *Dan tidaklah engkau (wahai Muhammad) dalam menjalankan sesuatu urusan, dan tidaklah engkau dalam membaca sesuatu surah atau sesuatu ayat dari Al-Quran dan tidaklah kamu (wahai umat manusia) dalam mengerjakan sesuatu amal usaha, melainkan adalah Kami menjadi saksi terhadap kamu, ketika kamu mengerjakannya.*

Musyahadah

Musyahadah bermaksud penyaksian seseorang kepada sifat-sifat Allah dan menghubungkait setiap amalan atau ibadahnya dengan sifat-sifat tersebut. Peringkat musyahadah merupakan peringkat yang lebih tinggi berbanding peringkat muraqabah. Ini berkaitan dengan hadis Jibril yang disabdakan oleh Nabi SAW:

أَنْ تَعْبُدَ اللَّهَ كَمَا كَانَكَ تَرَاهُ


Maksudnya: *Engkau beribadah kepada Allah SWT seakan-akan engkau melihat-Nya*

Potongan hadis ini menekankan bahawa bukan dengan melihat zat Allah tetapi melihat sifat-sifat-Nya iaitu dengan memerhatikan kesan nama-nama Allah dan sifat-sifat-Nya pada makhluk-Nya. Apabila seseorang memiliki ilmu dan keyakinan kepada sifat-sifat Allah maka dia akan mengembalikan semula tanda-tanda kekuasaan Allah kepada nama-nama dan sifat-sifat-Nya. Oleh itu, peringkat *musyahadah* ini merupakan peringkat yang tertinggi dalam mencapai ihsan (Ali & Puteh, 2017; Inayah, 2015).

Kepentingan Ihsan

Bagi membentuk afektif mahasiswa, nilai ihsan perlulah diterapkan dalam melahirkan mahasiswa yang holistik. Rajah 1 menunjukkan empat kepentingan ihsan iaitu menghadirkan kesedaran bertuhan, kesedaran penyucian hati daripada sifat-sifat mazmumah, ketekunan dan kesungguhan dalam ibadah dan pekerjaan serta keikhlasan berbuat baik sesama insan dan makhluk.

Rajah 1: Kepentingan Ihsan dalam Pembentukan Afektif Mahasiswa



Kesedaran Bertuhan

Rasulullah SAW bersabda:

فَأَخْبِرْنِي عَنِ الْإِحْسَانِ قَالَ: أَنْ تَعْبُدَ اللَّهَ كَمَا كُنْتَ تَرَاهُ، فَإِنْ لَمْ تَكُنْ تَرَاهُ فَإِنَّهُ يَرَاكَ

Maksudnya: Beritahuhan kepadaku tentang ihsan. Rasulullah SAW menjawab: Engkau beribadah kepada Allah seakan-akan engkau melihat-Nya, jika engkau tidak melihat-Nya sesungguhnya Dia pasti melihatmu.

(Sahih Muslim: no. 5)

Setiap perbuatan atau ibadah yang dihadiri dengan kesedaran bertuhan dapat mengawal setiap gerak geri dan tingkah laku kita. Hakikatnya, ilmu tentang ihsan memandu mahasiswa dalam memahami dan mengetahui tentang manfaat dan tujuan apabila melakukan sesuatu perbuatan. Dalam konteks pengajian tinggi, mahasiswa sebagai penuntut ilmu perlu menyedari kelebihan-kelebihan menuntut ilmu dan ganjaran yang diperoleh daripada Allah. Berdasarkan firman Allah dalam surat al-Mujadalah ayat 11, Allah akan mengangkat darjat bagi orang-orang berilmu.

يَرَفَعُ اللَّهُ الْمُلَّٰٰدِينَ ۖ إِمَّا مِنْكُمْ وَإِمَّا لِلَّٰٰدِينَ ۖ أُوْتُوا الْعِلْمَ ۚ دَرَجَاتٌ

Maksudnya: Supaya Allah SWT meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kami dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan (daripada kalangan kamu) dengan beberapa darjat

(Surah al-Mujadalah: 11)

Rasulullah SAW juga menyatakan ganjaran bagi penuntut-penuntut ilmu berdasarkan sabda Nabi Muhammad SAW:

مَنْ سَلَكَ طَرِيقًا يَلْتَمِسُ فِيهِ عِلْمًا، سَهَّلَ اللَّهُ لَهُ بِهِ طَرِيقًا إِلَى الْجَنَّةِ

Maksudnya: Siapa saja yang mengadakan perjalanan untuk menuntut ilmu, maka Allah akan menganugerahinya jalan ke syurga.

(Sahih Muslim)

Menurut Imam al-Ghazali (2005), menuntut ilmu dapat mendekatkan diri kepada Allah. Dengan mendekatkan diri kepada Allah, kita dapat mencapai kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Amalan menuntut ilmu digalakkan dalam Islam kerana ini merupakan amalan soleh yang paling utama berbanding amalan yang lain (Al-Ghazali, 2005). Selain itu, mahasiswa perlu mempelajari ilmu yang mampu menjaga diri daripada perkara-perkara keburukan dan membimbing diri agar sentiasa dalam kebaikan seperti ilmu agama. Realitinya, kehidupan sebagai mahasiswa akan berhadapan dengan pelbagai cabaran dari sudut fizikal dan mental. Dengan ini, kesedaran bertuhan dapat membimbing penuntut ilmu tentang tanggungjawab nya dan tujuan menuntut ilmu. Apabila kesedaran bertuhan mula dipupuk dalam diri mahasiswa maka mahasiswa tersebut akan lebih merasa sabar dan cekal dalam menghadapi liku-liku ketika di alam universiti.

Tambahan lagi, kehadiran ihsan membimbing mahasiswa dengan menjadi seorang hamba yang meyakini bahawa Allah itu Maha Berkusa atas setiap perkara. Hal ini demikian kerana hamba perlu mempercayai bahawa setiap perkara atau usaha yang dilaksanakan hendaklah bergantung kepada ketentuan Allah. Kesan yang diperoleh mahasiswa ialah mereka tidak akan mudah untuk bersedih atau berputus asa apabila menghadapi kekecewaan atau kerugian. Dengan ini, mereka akan lebih berusaha kerana yakin dengan rezeki dan ketentuan yang ditetapkan untuk hambaNya (Ali & Puteh, 2017). Oleh itu, penerapan ihsan ini dapat menghadirkan kesedaran

bertuhan kepada mahasiswa dan mendorong mereka untuk sentiasa berhati-hati dalam setiap tindakan atau perilaku.

Kesedaran Penyucian Hati daripada Sifat-sifat Mazmumah

Pembangunan individu itu merangkumi aspek fizikal (luaran) dan aspek rohani (dalaman) (Al-Ghazali, 2005). Kedua-dua aspek ini saling berhubung di mana aspek dalaman ini iaitu rohani meliputi emosi, sikap, motivasi yang boleh mempengaruhi sikap luaran bahkan mempengaruhi aspek dalaman seseorang (Sham et al., 2013). Walau bagaimanapun aspek rohani lebih mempengaruhi personaliti seseorang. Hal ini demikian kerana aspek rohani itu melibatkan anggota hati (Ismail et al., 2021).

Sementelahan itu, seorang Muslim perlu melalui proses penyucian hati atau *tazkiyatun nafs* dalam membentuk insan kamil. Menurut Imam al-Ghazali (2005), proses penyucian hati mesti melalui dua proses yang dikenali sebagai *mujahadah an-nafs (al-takhalli)* dan *riyadhah an-nafs (tahalli)*. *Mujahadah an-nafs (al-takhalli)* ini bermaksud bersungguh-sungguh dalam menyingkirkan sifat-sifat mazmumah seperti mementingkan diri, hasad dengki, cinta pada dunia, sompong dan riyā'. Manakala, *riyadhah an-nafs (al-tahalli)* pula bermaksud menghiasi atau melatih diri untuk berbuat kebaikan yang terdiri daripada sifat-sifat mahmudah secara berterusan sehingga sukar untuk kembali melakukan perkara-perkara keburukan (Sham et al., 2013). Kedua-dua konsep iaitu *mujahadah an-nafs* dan *riyadhah an-nafs* ini perlu saling berkait dalam pembentukan personaliti individu Muslim bagi menyucikan hati.

Dari sudut pembangunan diri mahasiswa, mahasiswa perlu mempunyai kesedaran tentang menyucian hati daripada sifat-sifat mazmumah. Hal ini demikian kerana penyucian hati dapat mewujudkan ihsan dalam diri mahasiswa dengan bermatlamatkan akhirat sebagai tujuan akhir dalam kehidupan. Selain itu, pembentukan akhlak dalam kalangan mahasiswa dapat dibentuk dengan menyucian hati daripada sifat-sifat mazmumah seperti malas dalam menuntut ilmu, buruk sangka, tidak amanah dalam peperiksaan, tidak jujur dalam berkata-kata dan berkelakuan buruk. Kesan penyucian hati ini dapat menjadikan mahasiswa sentiasa berkelakuan baik dan mengelakkan diri rasa bangga diri atau sompong kepada orang lain terhadap ilmu yang dipelajari dan diperoleh. Penyucian hati ini bukan sahaja membersihkan hati tetapi juga membimbing dan mengarahkan jiwa ke arah jalan yang direndai Allah. Pengetahuan tentang makrifatullah iaitu ilmu tentang Allah juga dapat menguatkan ihsan dalam jiwa agar sentiasa merendah diri sebagai seorang hamba Allah (Al-Ghazali, 2005).

Oleh itu, ihsan dapat membantu dalam membersihkan hati agar terlindung daripada sifat-sifat mazmumah. Dengan kehadiran ihsan juga memandu dalam pembentukan spiritual seseorang bagi mencapai kecemerlangan dan kejayaan di dunia dan akhirat bagi mengharungi kehidupan mahasiswa yang mencabar pada masa akan datang.

Ketekunan dan Kesungguhan dalam Ibadah dan Pekerjaan

Allah SWT berfirman:

إِنَّ الَّذِينَ ءاْمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ إِنَّا لَا نُضِيعُ أَجْرَ مَنْ اَحْسَنَ عَمَلاً

Maksudnya: *Sebenarnya orang-orang yang beriman dan beramal soleh sudah tetap Kami tidak akan menghilangkan pahala orang-orang yang berusaha memperbaiki amalnya*

(Surah Al-Kahfi: 30)

Berdasarkan huraian ayat di atas, setiap amal ibadah atau pekerjaan yang mempunyai unsur ihsan akan sentiasa mendapat pahala dan ganjaran oleh Allah. Ihsan menjadi kayu ukur dalam

menentukan kualiti ibadah atau pekerjaan seseorang. Dalam menjalani kehidupan sebagai mahasiswa, pelaksanaan ibadah seperti solat dan puasa perlulah disertai dengan rasa ihsan bagi membentuk mahasiswa yang holistik. Hal ini demikian kerana kesungguhan dalam menjaga ibadah mampu menjaga diri mahasiswa agar sentiasa menjalani kehidupan yang berlandaskan syariat dan tidak mudah terjerumus kepada perbuatan yang tidak memberi manfaat. Dalam pelaksanaan ibadah yang dilakukan juga, mahasiswa perlu menyedari tentang hakikat diri dan keberhutangan diri kepada Allah bagi menjadi insan baik di sisi Allah (Al-Attas, 2019).

Di samping itu, dalam melaksanakan sesuatu pekerjaan atau melakukan tugas yang diberikan oleh para pensyarah, mahasiswa hendaklah mempunyai ihsan dengan mewujudkan komitmen yang tinggi terhadap tugas tersebut. Dengan kewujudan ihsan dalam diri, mahasiswa akan melaksanakan setiap perkerjaan atau tugas dengan cekap dan ikhlas kerana merasakan Allah sentiasa memerhati dan menilai kualiti kerjanya. Hal ini juga dapat menutup ruang-ruang ketidaksempurnaan atas tanggungjawab yang diamanahkan dan itu merupakan amalan sunnah atau mustahab (pahala tambahan) (Wahab & Ismail, 2019).

Menurut Imam al-Ghazali (1990), kepentingan ihsan juga dapat memperbaiki mutu setiap ibadah atau pekerjaan bagi melahirkan mahasiswa yang sentiasa memperbaiki diri dan tidak hanya berada pada tahap yang sama. Hal ini dapat menjadi galakan kepada mahasiswa untuk sentiasa mempertingkatkan ibadah atau pekerjaan yang dilakukan kepada usaha yang lebih optimum. Oleh itu, penerapan ihsan dapat membentuk seseorang untuk bekerja bersungguh-sungguh (*itqan*) dan melakukan tugas yang digalas dengan sebaiknya. Bukan sahaja penuh kesungguhan dalam melaksanakan pekerjaan bahkan mengerahkan segala keringat dan kemampuannya untuk mencapai hasil dan kualiti yang terbaik.

Keikhlasan Berbuat Baik Sesama Manusia dan Makhluk

Perkataan ihsan di dalam ayat Al-Quran membawa konteks yang sangat luas dan lebih memberi penumpuan kepada melakukan kebaikan dan berbuat baik kepada orang lain seperti ibu bapa, kerabat, jiran tetangga, anak yatim dan haiwan. Berdasarkan firman Allah SWT dalam surah An-Nahl ayat 90:

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَإِلَّا حُسْنٌ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

Maksudnya: *Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil, dan berbuat kebaikan, serta memberi bantuan kepada kaum kerabat; dan melarang daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang keji dan mungkar serta kezaliman. Ia mengajar kamu (dengan suruhan dan laranganNya ini), supaya kamu mengambil peringatan mematuhiNya.*

Imam Al-Qurtubhi menjelaskan bahawa penurunan surah an-Nahl, ayat 90 ini diturunkan dan dibacakan kepada Ali bin Abi Talib, beliau lantas berkata bahawa “Demi Allah, sesungguhnya Dia mengutuskan Rasulullah SAW dengan akhlak yang mulia.” Berdasarkan ayat ini menunjukkan bahawa ihsan juga termasuk dalam lingkungan berbuat baik dan melakukan kebaikan kepada manusia (Al-Qurtubhi, 2007; Masroom et al., 2013).

Dalam konteks pembangunan mahasiswa holistik, ihsan mendidik mahasiswa untuk ikhlas dalam berbuat baik sesama insan. Hal ini dapat dilaksanakan dengan menjaga hubungan baik antara para pensyarah dan rakan-rakan yang menjadi lingkungan dalam pengajian tinggi. Hubungan baik dengan para pensyarah dapat dibina dengan berkomunikasi dengan perkataan yang baik, menyiapkan tugas yang diberikan, menghadiri kelas yang diadakan, sentiasa aktif di dalam kelas, tidak mengutuk atau mengumpat pensyarah dan sebagainya. Manakala hubungan

baik dengan rakan dapat dijalankan dengan sentiasa bertanya khabar, mengajak kepada kebaikan, mencegah daripada kemungkaran, tidak bergurau secara berlebihan, menjaga sensitiviti antara satu sama lain, berbuat baik dan berlemah lembut serta melakukan perkara yang menyenangkan dan meninggalkan segala perbuatan yang menyusahkan mereka (Ali & Puteh, 2017; Muhammad, 2009). Hakikatnya, mahasiswa hendaklah sentiasa melakukan kebaikan kepada semua orang tanpa mengira pangkat, harta atau kerjaya yang dimiliki dengan penuh keikhlasan.

Selain itu, penerapan ihsan dalam diri mahasiswa bukan sahaja perlu ikhlas berbuat baik sesama insan tetapi perlu juga berbuat baik sesama makhluk lain iaitu haiwan. Ihsan terhadap haiwan adalah dengan sentiasa menyayangi dan mengasihi mereka, memberikan makanan yang cukup dan tidak memukul atau mengganggu habitat mereka. Allah mengurniakan pahala bagi orang-orang yang berbuat kebaikan berdasarkan firmanNya:

واصِرْ فَإِنَّ اللَّهَ لَا يُضِيِّعُ أَجْرَ الْمُحْسِنِينَ

Maksudnya: *Dan sabarlah (wahai Muhammad, engkau dan umatmu dalam mengerjakan suruhan Allah) kerana sesungguhnya Allah tidak akan menghilangkan pahala bagi orang-orang yang berbuat kebaikan*


(Surah Hud: 115)

Oleh itu, impak daripada berbuat baik sama ada kepada diri, insan atau haiwan dapat melahirkan masyarakat yang sejahtera. Masyarakat yang sejahtera ini dapat dibina dengan mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan di dunia. Untuk terus menjaga keharmonian dalam kehidupan bermasyarakat, kehadiran ihsan dapat menimbulkan rasa cinta, persaudaraan, kasih sayang, tolong-menolong dan saling menghormati antara satu sama lain.

Konsep Ihsan dalam Pembentukan Afektif Mahasiswa

Konsep ihsan menjadi teras dalam pembentukan afektif mahasiswa seperti yang digambarkan pada rajah 2. Ihsan memainkan peranan penting dalam menghadirkan kesedaran bertuhan, menghadirkan kesedaran penyucian hati daripada sifat-sifat mazmumah, membina keikhlasan dalam berbuat baik sesama insan dan makhluk serta ketekunan dan kesungguhan dalam melaksanakan ibadah atau pekerjaan. Konsep ihsan ini memberi kesan kepada pembentukan afektif mahasiswa yang merangkumi sikap, emosi, nilai dan motivasi. Penerapan ihsan dalam pembentukan afektif mahasiswa dapat mendorong mencapai kesejahteraan diri dan masyarakat.

Rajah 2: Kerangka Konsep Ihsan dan Afektif



KESIMPULAN

Pembentukan domain afektif memandu pelajar untuk berkeperibadian unggul. Kepentingan afektif yang digariskan dalam kajian ini memberi penekanan dari sudut pembangunan diri, pencapaian akademik, kesejahteraan dalam masyarakat dan pembangunan kerjaya. Pembentukan domain afektif ini dapat dijayakan dengan sempurna apabila nilai ihsan menjadi teras. Ihsan berperanan dalam memberikan kesedaran bertuhan, menanamkan ketekunan dan kesungguhan dalam ibadah dan pekerjaan, keikhlasan dalam berbuat baik sesama insan dan makhluk serta memberi kesedaran penyucian hati daripada sifat-sifat mazmumah.

Matlamat yang ingin dicapai melalui penghayatan ihsan dan pembangunan afektif ini selari dengan kandungan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang berlandaskan ‘kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan’ demi kesejahteraan diri dan masyarakat. Hasil daripada kajian ini memperteguhkan bahawa ihsan perlu diterapkan dalam usaha membangunkan insan sejahtera yang merangkumi aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek secara menyeluruh. Oleh itu, setiap pihak perlulah memainkan peranan dalam mengaplikasikan nilai ihsan untuk membentuk mahasiswa holistik. Melalui pengaplikasian ini, mahasiswa dapat menyempurnakan tujuan penciptaan iaitu sebagai hamba dan khalifah-Nya dengan sempurna.

RUJUKAN

- Al-Attas, S. M. N. (2019). *Islam: Faham Agama dan Asas Akhlak*. Ta'dib International.
- Al-Ghazali. (2005). *Ihya' ulumuddin*. In 1. Dar Ibnu Hazm.
- Ali, N. A. H. M., & Puteh, A. (2017). *Penghayatan Ihsan Sebagai Medium Pengukuhan Budaya Kerja Berintegriti*. Fikiran Masyarakat, 5(3), 112–118.
- Ali, S. A. A. M. I. (2010). *Syarah Arbain Nawawi* (A. M. M. Rifae, Ed.; 1st ed.). Darul Asimah.
- Al-Qurtubhi, I. (2007). *Tafsir Al-Qurthubi*. Pustaka Azzam.
- Amran, A. (2012). *Konsep Adil dan Ihsan Menurut Aqidah, Ibadah dan Ahlak*. Hikmah, vol 6(02), 102–113.
- Asmaya, E. (2018). *Hakikat Manusia Dalam Tasawuf Al-Ghazali*. KOMUNIKA: Jurnal Dakwah Dan Komunikasi, 12(1), 123–135.
- Boyle, A., Maguire, S., Martin, A., Milsom, C., Nash, R., Rawlinson, S., Turner, A., Wurthmann, S., & Conchie, S. (2007). *Fieldwork is good: The student perception and the affective domain*. Journal of Geography in Higher Education, 31(2), 299–317. <https://doi.org/10.1080/03098260601063628>
- Dollarhide, C. T. (2013). *Using a values-based taxonomy in counselor education*. Counseling and Values, 58(2), 221–236. <https://doi.org/10.1002/j.2161-007X.2013.00035.x>
- Gagne, R. M. (1984). *Learning Outcomes and Their Effects: Useful Categories of Human Performance*. American Psychologist, 39(4), 377–385.
- Gelmez, K., & Bagli, H. (2017). *Tracing design students' affective journeys through reflective writing*. International Journal of Technology and Design Education, 28(4), 1061–1081. <https://doi.org/10.1007/s10798-017-9424-1>
- Hanapi, N. M., Omar, N., Samat, M. M., & Kamal, M. M. M. (2021). *Gejala Sosial Di Kalangan Mahasiswa Universiti*. Gading Journal for Social Sciences (e-ISSN 2600-7568), 24(03), 38–46.
- Husain, F. C., Jodi, K. H. M., Mat, Z. H., & Abdul, F. A. (2018). *Elemen Pembentukan Akhlak dan Moral: Penelitian Terhadap Modul Pengajaran Kursus Titas di Universiti Malaya*. Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah, 433–448.

- Idris, M., Zakaria, W. F. A. W., Long, A. S., & Salleh, N. (2010). *Kualiti kerja menurut perspektif Islam*. 3rd International Seminar on Islamic Thought, 269–279.
- Inayah, M. (2015). *Konsep Ihsan Sebagai Pendidikan Karakter Dalam Pemikiran Sachiko Murata dan William C Chittick*. Universitas Islam Negeri Maulana Malik Ibrahim Malang.
- Indra, H. (2009). *Pandangan Islam tentang Ilmu Pengetahuan dan Refleksinya terhadap Aktivitas Pendidikan Sains di Dunia Muslim*. MIQOT, XXXIII(2).
- Ismail, N., Makhsin, M., Zain, Z. M., Ismail, U. S., & Pisal, N. A. (2021). *Mujahadatun Nafs and Riyadhatun Nafs Practices in Forming The Religious Personality Among University Students*. Proceedings of International Conference on Language, Education, Humanities & Social Sciences, 1–7.
- Ismail, S. (2015). *Pembangunan Insan Dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan*. Journal of Human Capital Development (JHCD), 8(2), 83–100.
- Ismail, S. Hj. (2015). *Pembangunan Insan Dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan*. Journal of Human Capital Development (JHCD), 8(2), 83–100.
- Jagger, S. (2013). *Affective learning and the classroom debate*. Innovations in Education and Teaching International, 50(1), 38–50. <https://doi.org/10.1080/14703297.2012.746515>
- Kraft, K. J. van der H., Srogi, L., Husman, J., Semken, S., & Fuhrman, M. (2011). *Engaging Students to Learn Through the Affective Domain: A new Framework for Teaching in the Geosciences*. Journal of Geoscience Education, 59, 71–84. <https://doi.org/10.5408/1.3543934>
- Kraiger, K., Ford, J. K., & Salas, E. (1993). *Application of Cognitive, Skill-Based, and Affective Theories of Learning Outcomes to New Methods of Training Evaluation*. Journal of Applied Psychology, 78(2), 311–328. <https://doi.org/10.1037/0021-9010.78.2.311>
- Marzuki, M., Abd Rahman, M. H., Kaspin, K. G., Jamal, M. B., Mohd Nor, N. M., & Othman, I. W. (2021). *Universiti Sebagai Medan Pembentukan Kecemerlangan Akhlak Mahasiswa*. International Journal of Education, Psychology and Counseling, 6(39), 90–100. <https://doi.org/10.35631/ijepc.639005>.
- Masroom, M. N., Muhammad, S. N., & Rahman, S. A. P. (2013). *Iman, Islam dan Ihsan: Kaitannya dengan Kesihatan Jiwa*. Seminar Pendidikan & Penyelidikan Islam, Januari, 582–590.
- Mohamad Yunos, N., & Mahat, A. (2021). COVID-19: *Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Kesihatan Mental di Kalangan Pelajar Universiti*. Jurnal Dunia Pendidikan, 3(3), 265–272.
- Muhammad, F. (2009). *Meraih Puncak Ihsan*. Cet 1. Tjmh. Darwis. Darussunah.
- Mutlu, E., Altunbaş, B. B., & Kambur, S. (2022). *Taxonomic Investigation of Affective Domain Objectives in the Life Science Curriculum*. Hacettepe University Journal of Education, 37(1), 188–203. <https://doi.org/10.16986/HUJE.2020063462>.
- Mutmainah. (2021). *Metode Muhasabah: Analisis Pendekatan Psikologi Sufistik Perspektif Al-Ghazali (Konsep Pendidikan Ruhaniyah Melalui Tazkiyatun Nafs)*. Jurnal Pendidikan Dan Pranata Islam, 12(1), 41–51. <https://doi.org/https://doi.org/10.36835/syaikhuna.v12i1.4363>
- Nandani, A. (2017). *Konsep Ihsan dalam Q.S Al- Ahzab Ayat 41-42*. Raushan Fikr, 6(1), 69–82.
- Nopiansah, M. (2022). *Hakikat Manusia dalam Perspektif Islam*. Jurnal AKRAB JUARA, 7(3), 192–206.
- Pagatpatan, C. P., Valdezco, J. A. T., & Lauron, J. D. C. (2020). *Teaching the affective domain in community-based medical education: A scoping review*. Medical Teacher, 42(5), 507–514. <https://doi.org/10.1080/0142159X.2019.1707175>

- Rahman, N. Q., & Nor, H. A. Mohd. (2021). *Ketagihan Telefon Pintar dan Ketagihan Pornografi Terhadap Kesihatan Mental dalam Kalangan Mahasiswa di Institusi Pengajian Tinggi Awam di Malaysia*. Jurnal Wacana Sarjana, 5(1), 1–9.
- Razak, S. A., Sa'ari, C. Z., & Rahman, S. M. H. S. A. (2018). *Relevansi Tasawuf dan Pembangunan Rohani Insan: Satu Sorotan Awal*. BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences, 1(4), 71–84.
- Saad, H. M., & Rajamanickam, R. (2021). *Maqasid Memelihara Akal (Hifz al- 'Aql) dan Hubungannya dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan*. Islamiyyat, 43(Khas), 93–104.
- Salman, T. M. I. T. M., Wahid, N. Abd., Yunus, A. M., Yusoff, Z. M., & Ariffin, M. R. (2022). *Faktor kemurungan di kalangan pelajar universiti di Malaysia*. International Journal of Islamic Products and Malays Civilization, 1(1), 128–146.
- Savic, M., & Kashef, M. (2013). *Learning outcomes in affective domain within contemporary architectural curricula*. International Journal of Technology and Design Education, 23(4), 987–1004. <https://doi.org/10.1007/s10798-013-9238-8>
- Setiawan, A., Mardapi, D., Supriyoko, & Andrian, D. (2019). *The development of instrument for assessing students' affective domain using self- and peer-assessment models*. International Journal of Instruction, 12(3), 425–438. <https://doi.org/10.29333/iji.2019.12326a>
- Sham, F. M., Hamjah, S. H., & Sharifudin, Mohd. J. (2013). *Personaliti dari perspektif al-Ghazali*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Simm, D., & Marvell, A. (2015). *Gaining a “sense of place”: students’ affective experiences of place leading to transformative learning on international fieldwork*. Journal of Geography in Higher Education, 39(4), 595–616. <https://doi.org/10.1080/03098265.2015.1084608>
- Stephens, M., & Ormandy, P. (2019). *An Evidence-based Approach to Measuring Affective Domain Development*. Journal of Professional Nursing, 35(3), 216–223. <https://doi.org/10.1016/j.profnurs.2018.12.004>
- Turner, H. (2021). *Effective Critique Through Affective Peer Engagement*. Journal of Interior Design, 46(3), 29–45. <https://doi.org/10.1111/joid.12195>
- Wahab, M. Ab., & Ismail, Y. (2019). *Mas'uliyya and Ihsan as High-Performance Work Values in Islam*. International Journal of Economics, Management and Accounting, 27(1), 187–212.
- Zabidi, M. M., Zabidi, A. F. M., & Burhan, N. M. (2022). *Affective Domain in Learning Taxonomy at Institution of Higher Education*. Global Journal al Thaqafah, Special Issue(1), 1–10. <https://doi.org/10.7187/GJATSI062022-1>
- Zakaria, N. D., & Azahari, R. (2019). *Menghayati Nilai Iman, Islam dan Ihsan dalam Mendepani Cabaran Kontemporari*. Ar-Ra'iq, 5(1), 20–74.